

3 Jun 2010

Kerjasama dengan Masyarakat Islam Terus Dipertingkatkan

Satu tahun selepas ucapan Kaherah, program pertukaran rakyat dengan rakyat meningkat

Oleh Stephen Kaufman

Penulis Staf



Presiden Obama menyeru kepada satu "permulaan baru" dalam hubungan antara dunia Islam dan Amerika Syarikat ketika bercakap kepada masyarakat Islam pada bulan Jun 2009.

Washington - Sepanjang tahun lalu, pentadbiran Obama telah mendampingi dan mendengar suara masyarakat Islam di seluruh dunia dengan fokus pada "permulaan baru" berdasarkan kepentingan bersama dan hormat menghormati seperti yang diucapkan Presiden Obama pada 4 Jun 2009 di Universiti Kaherah di Mesir.

Wawasan Obama telah menghasilkan kerjasama baru antara Amerika Syarikat dan masyarakat Islam, sepertimana yang beliau pelajari ketika menjadi pengurus masyarakat di Chicago di mana "perubahan yang sebenar bermula dari bawah ke atas, dari akar umbi. Ia bermula dengan mimpi dan semangat setiap individu untuk berbakti kepada masyarakat mereka," kata beliau kepada para peserta di Sidang Kemuncak Presiden mengenai Keusahawanan pada 26 April di Washington.

Presiden berkata meskipun beliau dan Amerika Syarikat komited untuk menangani masalah keselamatan yang dan politik yang masih belum selesai seperti konflik di Afghanistan, Pakistan, Iraq dan Timur Tengah, "Saya juga menjelaskan di Kaherah bahawa kita perlu melakukan sesuatu yang lain iaitu usaha berterusan untuk mendengar antara satu sama lain, saling mempelajari dan saling menghormati."

"Saya memberi jaminan untuk menjalin satu kerjasama baru, bukan sahaja antara kerajaan dengan kerajaan, tetapi juga antara rakyat dengan rakyat mengenai isu-isu yang penting dalam kehidupan seharian mereka," katanya.

Sidang kemuncak keusahawanan ini berjaya mengumpul sekitar 250 usahawan dari negara-negara yang mempunyai ramai penduduk Muslim untuk menunjukkan bagaimana keusahawanan boleh meluaskan peluang serta mengeratkan lagi hubungan dengan Amerika Syarikat. Obama memberitahu para peserta bahawa kedua-dua rakyat di Amerika Syarikat dan dunia Islam berkongsi aspirasi ingin menjalani

kehidupan bermaruah yang aman damai, mempunyai pendidikan dan penjagaan kesihatan yang baik, bebas bersuara dan mempunyai hak bersuara dalam pemerintahan, memiliki kerajaan bebas daripada rasuah dan menyediakan masa depan yang lebih baik untuk anak-anak mereka.

Walaupun banyak persamaan antara Amerika Syarikat dan masyarakat Islam, mereka juga sering menjadi “mangsa kepada perasaan saling curiga-mencurigai,” kata Obama yang mengaku bahawa wawasan yang beliau gariskan dalam ucapannya di Kaherah “tidak akan dipenuhi dalam masa satu tahun atau beberapa tahun.”

“Tapi saya tahu kita harus memulakannya dan kita semua mempunyai tanggungjawab untuk dipenuhi,” katanya.

Beberapa perkembangan yang berlaku sepanjang tahun lepas, seperti usaha pentadbiran Obama untuk berdialog dengan Iran, meningkatkan bantuan awam A.S. ke Pakistan sebanyak tiga kali ganda, dan usaha untuk memulakan kembali perundingan antara Israel dan Palestin telah menjadi berita utama antarabangsa. Tetapi pendekatan-pendekatan baru yang dirancang untuk memperkasakan individu ini banyak yang tidak mendapat perhatian umum.

Beberapa utusan khas sains, termasuk pemenang Hadiah Nobel Ahmed Zewail, telah dihantar ke seluruh dunia untuk mengenal pasti kerjasama-kerjasama yang boleh dijalinkan serta mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang saintifik. Amerika Syarikat dan Pertubuhan Persidangan Islam telah bekerjasama dalam usaha baru untuk membanteras polio. Dana Teknologi dan Inovasi Global dilancarkan pada bulan April dengan modal \$2 bilion akan dimanfaatkan bagi kegunaan syarikat kecil dan sederhana di seluruh Timur Tengah, Asia dan Afrika.

Sepanjang tahun lalu, program pertukaran rakyat dengan rakyat antara dunia Islam dan Amerika Syarikat telah meningkat lebih daripada 30 peratus, dan beberapa program Bahasa Inggeris lipatgandakan. Terdapat juga peningkatan lebih daripada 40 peratus siswazah dari Amerika yang dihantar belajar di negara-negara Islam dan di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai orang Islam.

Ketika berucap di Forum A.S.-Dunia Islam di Doha pada 14 Mac, Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton berkata seiring dengan kerjasama untuk mengatasi cabaran-cabaran bersama seperti menggalakkan demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan hak asasi manusia, termasuk memperkasakan wanita, Amerika Syarikat dan komuniti Islam juga harus terlibat dalam dialog yang bermanfaat dengan jujur untuk menggalakkan persefahaman yang lebih baik.

“Bagi saya kekuatan dalam berdialog telah terbukti banyak kali. Di mana saja saya pergi, sama ada Pakistan, Indonesia, atau Iraq, saya meminta diadakan dialog terbuka dan jujur dan saya mengemukakan kritikan. Dan itu apa yang saya dapat,” katanya. “Dalam hampir semua perkara, saya kembali dengan keyakinan bahawa kita telah mencapai persefahaman yang lebih baik. Dan persefahaman itu bertindak sebagai asas untuk apa saja yang kita harapkan untuk melakukan bersama-sama.”

Wawasan Presiden Obama bukan tentang “satu negara yang berusaha untuk membina sesuatu yang baru secara sendirian,” katanya. “Ia adalah seruan untuk kita semua memikul tanggungjawab untuk mengetepikan pandangan stereotaip dan usang dan membina semangat baru untuk kerjasama.”

Setiausaha Rendah Diplomasi Awam Judith McHale mengulangi sentimen sama dalam ucapan beliau pada 6 Mei, dengan berkata bahawa “pasang surut dalam hubungan rasmi di antara kerajaan dengan kerajaan tidak dapat dielakkan,” oleh itu terdapat keperluan untuk menjalin kerjasama antara rakyat dan institusi yang “yang cukup kuat bagi meneruskan dialog dan kerjasama dalam bidang lain.”

Di dalam dunia yang saling berkait pada abad ke-21, “menyerahkan perkara berkaitan hubungan luar negara kepada para diplomat adalah pemikiran lama,” kata McHale. “Meskipun kerajaan boleh memimpin, bersidang, dan mempengaruhi, kerajaan tidak dapat melakukan semuanya.”